

FINAPECIA TABLET

Finasteride (1mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Finapecia Tablet
2. Bagaimana Finapecia Tablet berfungsi
3. Sebelum menggunakan Finapecia Tablet
4. Cara menggunakan Finapecia Tablet
5. Semasa menggunakan Finapecia Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Finapecia Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini

Sila baca risalah ini dengan teliti sebelum anda mula mengambil ubat anda, walaupun anda baharu sahaja mendapatkan bekal ubat yang baharu. Sesetengah maklumat dalam risalah terdahulu mungkin telah dikemas kini.

Apakah kegunaan Finapecia Tablet

Finapecia Tablet adalah untuk kegunaan lelaki sahaja.

Finapecia Tablet digunakan untuk merawat keguguran rambut yang biasa berlaku pada lelaki. Ia membantu pertumbuhan rambut dan menghentikan keguguran rambut daripada menjadi lebih teruk.

Ubat ini tidak boleh diambil oleh wanita atau kanak-kanak.

Bagaimana Finapecia Tablet berfungsi

Finapecia Tablet mengandungi finasteride sebagai bahan aktif. Ia adalah sejenis enzim yang menyekat hormon yang dipanggil DHT, yang merupakan punca utama keguguran rambut pada lelaki. DHT menyebabkan folikel rambut mengecil, mengakibatkan rambut menjadi lebih nipis dan akhirnya menyebabkan keguguran rambut. Dengan menurunkan tahap DHT, finasteride membantu menghentikan keguguran rambut dan membolehkan rambut tumbuh semula lebih tebal.

Sebelum mengambil Finapecia Tablet

-Bila tidak boleh mengambil

Jangan ambil ubat ini jika:

- anda alah kepada finasteride atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan dalam Maklumat Lanjut)
- ubat ini tidak boleh diambil oleh wanita, remaja atau kanak-kanak.
- anda sedang mengambil dos finasteride (5mg) yang lebih tinggi untuk masalah prostat atau keadaan lain.

Kehamilan dan penyusuan

Finasteride Tablet tidak boleh digunakan oleh wanita yang hamil atau mungkin hamil kerana ia boleh memudaratkan perkembangan alat kelamin bayi lelaki.

Wanita hamil tidak boleh menyentuh tablet yang

dihancurkan atau pecah, kerana ubat boleh diserap melalui kulit dan membahayakan bayi. Finapecia disalut untuk mengelakkan risiko ini, oleh itu pengendalian tablet yang bersalut adalah selamat.

Finasteride Tablet tidak boleh digunakan oleh wanita yang sedang menyusukan anak.

- Sebelum mula mengambil

Semak dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil Finapecia jika anda mempunyai sebarang masalah perubatan atau sebarang alahan.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda mengambil ubat lain, termasuk ubat yang anda beli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

Cara mengambil Finapecia Tablet

-Berapa banyak harus diambil

Ambil satu tablet Finapecia setiap hari.

-Bila perlu diambil

Ambil sekali sehari atau seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

Finapecia Tablet boleh diambil dengan atau tanpa makanan.

- Berapa lama perlu diambil

Ambil ubat ini untuk tempoh yang disyorkan oleh doktor anda.

FINAPECIA TABLET

Finasteride (1mg)

Rawatan biasanya mengambil masa 3 hingga 6 bulan pengambilan setiap hari untuk melihat hasil dalam menghentikan keguguran rambut. Untuk mengekalkan kesan pertumbuhan rambut, anda perlu terus mengambil setiap hari. Jika pengambilan ubat dihentikan, keguguran rambut boleh kembali kepada keadaan asalnya dalam tempoh 6 hingga 12 bulan.

-Jika anda terlupa mengambil

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

-Jika mengambil secara berlebihan (terlebi dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa mengambil Finapecia Tablet

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda menggunakan Finapecia Tablet.

Ambil Finapecia Tablet hanya dengan preskripsi doktor.

- Perkara yang anda tidak boleh lakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat melainkan dinasihatkan oleh doktor anda.

Jangan gunakan sebarang ubat baharu tanpa berunding dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berikan Finapecia Tablet kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai gejala atau keadaan yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Perhatikan sebarang perubahan pada kawasan dada anda, seperti ketulan, sakit, bengkak atau terdapat lelehan cecair keluar daripada puting dada, dan jika berlaku laporkan kepada doktor anda dengan segera.

Jika anda berumur lebih dari 55 tahun dan mengambil ubat finasteride pada dos yang lebih tinggi, anda mungkin mempunyai risiko yang lebih tinggi terhadap kanser prostat yang teruk. Oleh itu, pastikan anda melakukan pemeriksaan prostat secara berkala.

Beritahu doktor anda bahawa anda mengambil finasteride jika anda akan melakukan ujian PSA (digunakan untuk memeriksa masalah prostat) kerana ubat ini boleh mengganggu keputusan ujian.

Kesan-kesan sampingan

Seperti mana-mana ubat, Finapecia boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang akan mengalaminya.

Kesan sampingan biasa:

- Masalah dengan ejakulasi.
- Payudara bengkak dan sakit atau membesar.
- Ruam, gatal-gatal, atau bengkak, terutamanya pada muka atau bibir.
- Sakit pada buah zakar.

Kesan sampingan lain (pasca-pemasaran):

-Kanser payudara pada lelaki telah dilaporkan berlaku.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan

- Penyimpanan

Jauhkan Finapecia dan semua ubat daripada capaian kanak-kanak.

Jangan simpan pada suhu melebihi 30°C. Simpan tablet di dalam bekas/bungkusan asal.

Jangan gunakan ubat ini selepas tarikh luput.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

FINAPECIA TABLET

Finasteride (1mg)

Maklumat Lanjut

- Rupa dan warna produk

Tablet berwarna coklat kemerahan, berbentuk bulat, dwicengkung, dan bersaiz 7 mm. Ia dicetak "F1" pada satu sisi, dan kosong di sisi lain.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif:

Finasteride

- Bahan tidak aktif:

- Lactose monohydrate
- Microcrystalline cellulose
- Pregelatinised starch
- Sodium starch glycolate
- Lauroyl macroglycerides
- Magnesium stearate
- Opadry 03F34739 Pink

- Nombor MAL:

MAL09082821AZ

Pengilang

Intas Pharma Ltd.
Plot No. 457/458, Village
Matoda Talika: Sanand 382210,
India.

Pemegang Pendaftaran

Produk:

Jetpharma Sdn. Bhd.
No 13, Jalan Rajawali 2,
Bandar Puchong Jaya,
47100 Puchong,
Selangor, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

04/05/2025

Nombor Siri

NPRA(R4/1)270325/00025